

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

17. Adakah Kerajaan Negeri akan membantu seni persembahan atau *performing art* dengan memberi lebih banyak bantuan kewangan dan promosi kepada pengarah-pengarah muda?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengembangkan bidang kesenian di Pulau Pinang termasuk seni persembahan. Kerajaan Negeri sedar bahawa penganjuran program kesenian memakan belanja yang signifikan dan berkemungkinan tidak memberikan pulangan sewajarnya berbanding dengan kos perbelanjaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak swasta termasuk pengarah-pengarah muda dalam penganjuran program kesenian dan mempertimbangkan untuk menaja sebahagian daripada perbelanjaan tersebut. Kerajaan Negeri juga melaksanakan promosi bagi program-program kesenian dalam aktiviti pameran pelancongan yang dihadiri. Bagi program-program kesenian yang diadakan secara tahunan, Kerajaan Negeri membuat promosi melalui penerbitan risalah *Penang Tourism Calender of Events*.